

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 turut **lindungi suami**

Kes keganasan rumah tangga adalah masalah hangat diperkatakan sejak kebelakangan ini dan dilihat semakin serius akibat daripada faktor semasa seperti peningkatan kos sara hidup serta kemudahan dan penggunaan media sosial.

Apabila diperkatakan isu keganasan rumah tangga, pasti ramai yang akan memikirkan mangsa hanya terdiri daripada golongan wanita atau isteri. Ini mungkin faktor sifat semula jadi sifat wanita itu sendiri yang sering dianggap sebagai golongan lemah.

Berbanding dengan lelaki atau suami yang lazimnya memiliki kekuatan fizikal dan tanggungjawabnya menjadi ketua serta pelindung dalam sesebuah institusi keluarga.

Namun, perlu diketahui lelaki atau suami juga boleh terdedah menjadi mangsa keganasan dalam sesebuah rumah tangga yang dilakukan oleh isteri.

Baru-baru ini, media ada melaporkan isu penderaan mental dan psikologi terhadap golongan suami yang dikesan sebagai punca kepada kira-kira 70 peratus kes perceraian pasangan Islam di negara ini.

Melalui laporan didedahkan, pelbagai luahan dan pengakuan dibuat pihak suami yang memendam rasa sepanjang tempoh perkahwinan melayan kerenah isteri yang melakukan penderaan mental dan psikologi terhadap diri mereka.

Masalah seumpama ini bukan saja melanda di Malaysia tetapi hampir di semua negara di seluruh dunia tanpa mengira bangsa, agama, kaum, jantina, keturunan, atau kedudukan.

Satu aspek kekejaman

Kes yang membabitkan keganasan rumah tangga adalah satu aspek kekejaman dalam rumah tangga itu sendiri tanpa mengira siapa mangsanya, sama ada pihak isteri mahupun suami.

Kebiasaannya, kekejaman ini berlaku satu hala dan dituruti oleh tindak balas yang lain. Kejadian ini juga dikatakan berlaku apabila individu terbahit menyalahgunakan atau menggunakan kuasa secara sewenang-wenangnya.

Pelbagai jenis keganasan boleh berlaku dalam sesebuah rumah tangga seperti memukul, menampar, membalung dengan menggunakan sesuatu, menendang dan menolak. Mungkin juga menggunakan senjata seperti pisau, kayu, senapang, botol atau menggunakan sesuatu dengan tujuan untuk mencederakan atau menyakitkan pihak yang disarkannya.

Selain itu, terdapat juga kes yang membabitkan penderaan dalam bentuk lisan dan meninggalkan kesan mendalam terhadap emosi mangsa terbahit seperti mencaci, mengeluarkan kata-kata yang kesat serta tidak sedap didengar, mengejek, mencerca dan pelbagai lagi.

Tafsiran seksyen

Maksud perkataan keganasan rumah tangga itu sendiri mengikut tafsiran Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) bermaksud, satu perlakuan dan perbuatan atau lebih yang berikut;

© Secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba mele-

» Kes lelaki didera isteri jarang dilaporkan, sering dianggap bahan jenaka dalam kalangan masyarakat umum



'Saya diancam pisau kerana tegur sikap isteri'



Keratan akhbar mengenai penderaan isteri terhadap suami.

takkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal

© Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal

© Memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya yang mangsa itu berhak tidak melakukan

© Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu

© Melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disadari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa itu

© Menyebabkan penderaan psikologi, termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa

© Menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperolehi dengan cara menyalahi undang-undang; atau

© Dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Semua boleh jadi mangsa
Walaupun, peratusan tinggi mereka yang menjadi mangsa keganasan

rumah tangga adalah wanita atau isteri, terdapat juga beberapa pihak dalam keluarga turut menjadi mangsa keganasan dalam sesebuah keluarga iaitu lelaki atau pihak suami, kanak-kanak, warga tua, atau ahli keluarga yang lain.

Kesemua mereka yang berada dalam keluarga itu boleh menjadi mangsa keganasan rumah tangga, sekiranya mereka didera oleh ahli keluarga yang lain.

Bagi sesetengah masyarakat, kejadian keganasan rumah tangga terhadap suami atau lelaki adalah perkara yang terlalu asing. Ini adalah kerana jarang didengar atau dilaporkan dalam media massa, suami didera oleh isteri mereka.

Penderaan terhadap pihak suami juga sering dianggap bahan jenaka dalam kalangan masyarakat umum yang masih mempunyai tanggapan bahawa lelaki adalah golongan kuat dan mustahil untuk menjadi mangsa keganasan. Lebih-lebih lagi, dilakukan isteri mereka sendiri.

Perlu diketahui, setiap kes keganasan rumah tangga, termasuk terhadap pihak suami turut dilindungi di bawah Akta 521 terbahit.

Dua kategori pampasan

Terdapat dua kategori pampasan ataupun remedi yang boleh dipohon iaitu remedi sivil dan remedi jenayah.

Remedi sivil ini boleh dipohon daripada pihak mahkamah bagi tujuan mengelak pelaku keganasan terus mencederakan mangsa ataupun bagi menuntut ganti rugi daripada pelaku keganasan berkenaan kerana kerosakan atau kecederaan yang dialaminya.

Remedi jenayah pula dipohon apabila satu laporan dibuat kepada pihak polis. Tujuan permohonan remedi ini adalah supaya pelaku keganasan

dihukum oleh mahkamah, sama ada dengan cara denda, penjara atau kedua-duanya sekali.

Perlu juga diketahui, kebanyakan mangsa penderaan terutama yang membabitkan mangsa suami ini tidak tampil ke hadapan untuk melaporkan penderaan ataupun keganasan yang dilakukan terhadap mereka.

Ini kerana mereka ingin mengelak daripada dipandang rendah oleh masyarakat umum. Mereka tidak mahu dilihat sebagai individu yang lemah dan juga berasa malu untuk mendedahkan apa yang sudah berlaku.

Akta sudah lama diluluskan

Kesimpulannya, penderaan terhadap suami adalah sama seperti penderaan terhadap isteri. Kewujudan Akta 521 adalah antara satu usaha bagi menangani masalah keganasan rumah tangga di negara kita.

Akta 521 terbahit sudah lama diluluskan oleh Parlimen iaitu sejak tahun 1994. Akta 521 terbahit dapat mengenal pasti keganasan yang berlaku dalam sesebuah rumah tangga sebagai masalah sosial yang serius dan mesti ditangani dengan segera.

Keganasan rumah tangga bukan satu masalah peribadi keluarga. Kewujudan undang-undang untuk membendung keganasan dalam keluarga ini adalah satu pengiktirafan kepada bukan saja khusus kepada wanita, malahan kepada lelaki, kanak-kanak, warga tua dan sebagainya.

Pada masa yang sama, ia turut mengiktiraf hak semua manusia untuk mengecapi suatu kehidupan berkeluarga dengan lebih bermaruah, aman dan harmoni.

© Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW